

Uapan : ADHO
531
150/80

Penyampaian Chek berharga \$10,000
kapada Yang Berhormat Inche Hussein
Onn oleh Inche J.S. ~~Senn~~*, Pengurus *HAGENBUCH
Pemasaran ~~Besar~~ Nestle's Products (Malaysia)
Berhad pada hari Jumaat 9hb Jun,
1972, Pukul 10.30 pagi di-Kementerian
Pelajaran

Hagenbuch,
Inche ~~Senn~~,

1. Saya berasa sungguh gembira untok menerima chek yang berjumlah \$10,000 ini bagi pihak Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia. Ini lah tahun yang ka-sapuluh Nestle's Products (Malaysia) Berhad menganjorkan Kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Nestle's Products (Malaysia) Berhad bukan sahaja kerana derma yang sungguh bermurah hati ini tetapi juga atas kerjasama dan sokongan mereka sapenoh-nya dalam memajukan badminton di-Sekolah2 Malaysia di-peringkat negeri dan kebangsaan.

2. Saya juga ingin menguchapkan terima kaseh kapada tuan kerana menambah lagi derma bagi Kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia pada tahun ini untok membolehkan lebeh ramai lagi pemain2 daripada negeri Sabah dan Sarawak untok menyertai kejohanan tersebut. Ini ada-lah merupakan suatu langkah yang sungguh bermurah hati daripada sharikat tuan dan sudah tentu akan menjadi suatu galakan dan dorongan

yang besar kepada murid2 dan juga guru2 di-Malaysia Timor.

3. Mutu badminton di-negara ini bergantung sa-bahagian besar-nya atas galakan yang di-berikan serta kemudahan2 yang ada bagi latehan yang berkesan di-peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Dalam perkara ini sukachita saya perhatikan bahawa terdapat perhubungan dan kerjasama yang sungguh erat di-antara Persatuan Badminton Malaysia dengan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia di-peringkat kebangsaan dan di-antara Persatuan2 Badminton Negeri dengan Majlis2 Sukan Sekolah Negeri di-peringkat negeri.

4. Saya ingin menyebutkan di-sini bahawa Johan2 dan Naib2 Johan dalam Kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia tahun lepas telah menyertai Kejohanan Badminton Belia Kebangsaan Yang Pertama di-bawah umur 21 tahun dan memenangi kedua2 gelaran persaorangan dan bergu. Ini ada-lah merupakan suatu kejayaan yang chemerlang oleh tiga orang penuntut sekolah - Moo Foot Lian memenangi gelaran persaorangan dan Lee Kok Pheng bersama dengan Lim Shook Kong memenangi gelaran bergu.

5. Sekali lagi saya menguchapkan terima kaseh kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad atas sokongan mereka yang bermurah hati terhadap Majlis

Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis2 Sukan Sekolah2 Negeri dan saya yakin bahawa pihak Nestle akan terus memberikan sokongan mereka kepada Majlis2 Sukan Sekolah2.

It gives me very great pleasure in accepting this cheque for RM10,000 on behalf of the Schools' Sports Council of Malaysia. This is the tenth year that the Nestle's Products (Malaysia) Berhad is sponsoring the Malaysian Schools Badminton Championships. I would like to thank the Nestle's Products (Malaysia) Berhad not only for the generous donation but also for their full co-operation and staunch support in the promotion of badminton in Malaysian schools at state and national levels.

I would also like to thank you for increasing the donation for this year's Malaysian Schools Badminton Championships to enable more players from the States of Sabah and Sarawak to participate in the Championships. This is indeed a very generous gesture on the part of your company, and will no doubt serve as a great encouragement to both pupils and teachers in East Malaysia.